

Sejam kejar bot ceroboh perairan negara

HM 12/8/24 pg 5

George Town: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah bot nelayan dikendalikan lima kru warga Indonesia kerana disyaki menceroboh perairan negara, kelmarin.

Pengarah APMM Pulau Pinang, Kepten Maritim Razali Kasim berkata, penahanan dilakukan ketika aset KM Burau melaksanakan operasi di sekitar 55

batu nautika Barat Daya Pulau Kendi pada 11.45 pagi.

Katanya, pasukan berkeajaan mengesan bot terbabit yang berada di perairan Malaysia dalam keadaan mencurigakan.

"Kapal APMM menghampiri bot terbabit dan me-

ngarahkan mereka supaya berhenti bagi dilakukan pemeriksaan lanjut.

"Namun, ia enggan berbuat demikian dan mereka dikejar hampir satu jam sebelum berjaya ditahan

untuk pemeriksaan," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Razali, hasil peme-

riksaan mendapati bot terbabit tidak mempunyai nombor pendaftaran dan anggaran sebanyak 150 kilogram hasil tangkapan ikan turut dirampas.

"Kesemua kru berusia 25 hingga 40 tahun itu juga gagal mempamerkan dokumen pengenalan diri yang sah. Kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perikanan 1986," katanya.

**Sebanyak
150 kilogram
hasil tangkapan ikan
dirampas**



BOT nelayan yang dikendalikan lima kru warga Indonesia ditahan kerana menceroboh perairan negara.